

Tiada krisis terdekat

■ Simpanan bekalan air cukup tampung penggunaan ketika kemarau

Krisis air teruk pada tahun lalu dijangka tidak akan berlaku dalam tempoh terdekat ini kerana simpanan bekalan air masih mencukupi untuk menampung penggunaannya pada masa kemarau.

Menurut Pakar Hidrologi, Pengurusan Sumber Air dan Lembaga Saliran, Jabatan Sains Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Wan Nor Azmin Sulaiman, curahan hujan yang banyak pada akhir tahun lalu menjadikan isipadu air di empangan berada pada paras baik sehingga satu jangka masa tertentu.

“Negara ini lazimnya akan mengalami dua kali keadaan kurang hujan iaitu sekitar Mac hingga Mei dan Ogos hingga September.

“Berdasarkan curahan hujan yang berlaku pada akhir tahun lalu, kita boleh menjangkakan bahawa paras air masih berkeadaan



**“Negara ini lazimnya akan mengalami dua kali keadaan kurang hujan”
Dr Wan Nor Azmin**

baik bagi tempoh pertama dan tidak akan berlaku krisis air yang teruk seperti tahun lalu,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, berkeungkinan pada keadaan kedua iaitu sekitar Ogos

hingga September, masalah krisis air mungkin wujud kerana paras air mula merosot ketika itu.

“Namun, apa jua keadaan yang berlaku, ianya tetap dipengaruhi oleh faktor curahan hujan. Sukar untuk

menentukan secara tepat adakah hujan akan tidak turun pada keadaan pertama atau kedua kerana cuaca mampu berubah pada bila-bila masa,” katanya.

Perunding alam sekitar dan Naib Presiden EcoKnig-

hts Amlir Ayat berkata, walaupun keadaan masih baik, namun situasi itu mampu berubah menjadi krisis teruk seandainya tiada penjimatan ditekankan dalam penggunaan air seharian.

“Sebenarnya isipadu simpanan air empangan di Lembah Klang tetap sama setiap tahun. Namun, sikap orang kita yang suka membazirkan air membuatkan keadaan ini menjadi parah dan apabila kemarau berlaku, sudah tentu penggunaan air akan menjadi tinggi sehingga menyebabkan air kurang,” katanya.

Menurutnya, purata hujan di Malaysia adalah 3,000 milimeter setahun berbanding 1,500 milimeter di Jepun, namun penggunaan air di Malaysia lebih tinggi berbanding penduduk Tokyo di Jepun yang mempunyai populasi penduduk yang sama

iaitu 30 juta orang.

“Peningkatan populasi dan industri menjadikan penggunaan air lebih banyak, namun sikap jimat cermat dalam penggunaan air seperti diamalkan oleh penduduk Tokyo perlu diterapkan supaya krisis air dapat dielakkan,” katanya.

Kelmarin, Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Mahdzir Khalid menggesa orang ramai menggunakan bekalan air secara berhemat kerana keadaan cuaca sudah memasuki musim kemarau.

Menurutnya, walaupun keadaan paras air di empangan Sungai Selangor dan Sungai Tinggi masih baik berbanding tempoh sama tahun lalu, kerajaan tidak dapat memberi jaminan tidak berlakunya catuan air disebabkan faktor cuaca panas.